

28/10/1998

Ribuan rugi jika Renong runtuh

KUALA LUMPUR, Selasa - Usaha kerajaan membantu sektor swasta bukan bertujuan menyelamatkan orang tertentu, tetapi menyelamatkan syarikat terbabit untuk kepentingan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ramai pelabur akan kehilangan wang pelaburan mereka jika kerajaan tidak menolong menyelamatkan syarikat besar seperti Renong Bhd.

"Jika ada sesuatu yang boleh kita lakukan untuk menolong syarikat besar seperti Renong, kita perlu membantunya.

"Kita tidak boleh memikirkan mengenai Halim (Tan Sri Halim Saad) sahaja. Ada beribu-orang orang akan terjejas pendapatan jika Renong runtuh," katanya ketika mengulas cadangan Renong menerbitkan bon yang disokong kerajaan sebanyak RM10.5 bilion di bawah pelan penyusunan semula untuk membayar balik hutang kumpulan itu.

Cadangan itu membabitkan terbitan bon yang disokong oleh syarikat pengurusan aset, Perbadanan Pembangunan Prasarana (IDC).

IDC adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) dan cadangan itu diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 4 Ogos lalu.

Dua minggu lalu ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pra persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Dr Mahathir berkata kerajaan masih mengkaji cadangan Renong Bhd untuk menerbitkan bon bagi penyusunan semula konglomerat itu.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, kerajaan tidak memberi jaminan kepada semua pelaburan sektor swasta, tetapi membantu jika diperlukan.

Mengenai dakwaan beliau menjual Malaysia, Dr Mahathir berkata pihak terbabit sengaja membangkitkan perkara itu kerana tidak suka negara ini berada dalam keadaan aman.

"Mereka tidak suka kita berada dalam keadaan aman. Mereka cuba memusnahkan imej untuk menunjukkan kita tidak tahu memerintah," katanya.

Beliau secara berseloroh menambah, tidak apa yang boleh dijual selepas 17 tahun menjadi Perdana Menteri.

(END)